



No. Ruj.: DOF.UKK.100-9/1/1 (55)

SIARAN MEDIA

DOF PERKUKUH SOKONGAN KEPADA PENTERNAK AKUAKULTUR TERJEJAS BANJIR DAN PERSIAPAN PUSINGAN TERNAKAN 2026

PUTRAJAYA, 16 Disember 2025 – Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) menzahirkan keprihatinan terhadap penternak akuakultur yang terjejas akibat banjir semasa Musim Monsun Timur Laut (MTL). Pada tahun 2024/2025, sebanyak 594 penternak telah menerima bantuan bernilai RM 7.9 juta melalui Tabung Bencana Pertanian (TBP), manakala semasa MTL Oktober hingga Disember 2025, 112 penternak telah dikenal pasti terjejas dengan anggaran kerugian RM 13.65 juta melibatkan kerosakan sangkar, kolam, kehilangan benih dan kematian ikan di beberapa negeri termasuk Perak, Sabah, Johor, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Kelantan, Terengganu, Pahang, Selangor dan Perlis.

Bagi memastikan kelangsungan operasi penternak dan persiapan pusingan ternakan ikan pada tahun 2026, DOF telah menyediakan pelbagai bentuk bantuan termasuk penyaluran input ternakan, khidmat nasihat teknikal, pemantauan keadaan persekitaran akuakultur serta langkah mitigasi terhadap ledakan alga berbahaya dan penyakit ikan melalui Institut Penyelidikan Perikanan.

Pelaksanaan Pelan Pembangunan Baka dan Benih Akuakultur melalui Pusat Pembiakan Nukleus dan Pusat Pengganda Induk telah menghasilkan lebih 5 bilion ekor benih setahun dengan anggaran nilai pengeluaran sekitar RM690 juta, melibatkan 490 hatcheri dan nurseri swasta, sekali gus memastikan bekalan benih berkualiti tinggi serta berdaya tahan dalam menghadapi cabaran perubahan iklim.

Selain itu, teknologi Sietem Maklumat Geografi (GIS) melalui MyDOFGiS (<https://mydofgis.mysa.gov.my/>) dan Sistem Amaran Awal turut digunakan bagi memberikan maklumat tepat dan pantas kepada penternak supaya langkah pencegahan dapat diambil lebih awal. Langkah-langkah ini juga membolehkan penternak menyesuaikan operasi mereka, termasuk pengurusan sangkar, kadar tebaran benih, pemberian makanan, dan pengurusan air untuk meminimumkan kesan bencana.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03906



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03906



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03906

Ketua Pengarah Perikanan, Dato' Haji Adnan bin Hussain berkata, bantuan dan sokongan bersepadu yang disediakan kerajaan merupakan usaha berterusan dalam membantu penternak akuakultur yang terjejas akibat banjir serta memastikan kelangsungan operasi dan persediaan pusingan ternakan ikan tahun 2026.

“Kami memahami cabaran yang dihadapi oleh penternak akibat banjir MTL 2024/2025 dan MTL 2025, dan melalui bantuan serta sokongan bersepadu ini, termasuk yang disalurkan di bawah Tabung Bencana Pertanian, kerajaan berusaha memastikan penternak dapat memulihkan operasi dengan cepat dan bersedia untuk pusingan ternakan 2026. Bantuan ini akan disalurkan mengikut tatacara yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM). Langkah ini bukan sahaja mengurangkan risiko kerugian, tetapi juga menegaskan komitmen kerajaan dalam melindungi sumber pendapatan dan kesejahteraan komuniti perikanan negara,” ujarnya

Pihak DOF ingin menegaskan bahawa setiap penternak yang telah diluluskan akan menerima bantuan setelah segala syarat dipenuhi, bagi membolehkan penternak untuk terus melaksanakan aktiviti akuakultur pada tahun depan.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my